

Oleh **NASRI JAMALUDIN**  
nasri.jamaludin@kosmo.com.my

**B**UKAN sahaja pada musim cuti persekolahan, malah juga cuti hujung minggu atau cuti umum, kita dapat menyaksikan rakyat di negara ini memenuhi kompleks beli-belah, taman tema, pusat rekreasi atau pulang ke kampung halaman.

Kewujudan banyak kompleks beli-belah juga membuktikan rakyat di negara ini suka berbelanja terutamanya pada musim tawaran harga murah. Di ibu negara, misalnya, jalan-jalan menuju kompleks beli-belah menjadi sesak. Orang ramai juga bersesak-sesak memenuhi premis-premis yang membuat tawaran harga murah.

Kompleks-kompleks beli-belah turut menjadi tumpuan orang ramai berhibur atau menjamu selera.

Jika tidak pergi ke kompleks beli-belah, taman-taman tema, pusat rekreasi, hutan lipur turut menjadi tumpuan rak-

yat Malaysia bercuti bersama keluarga atau rakan-rakan. Hotel atau restoran yang menghadirkan makanan lazat juga menjadi tumpuan orang ramai untuk menikmati detik istimewa bersama keluarga dan rakan-rakan.

Sebuah laman web pelancongan terbesar di dunia, TripAdvisor baru-baru ini mendedahkan 10 destinasi dalam negara pilihan rakyat Malaysia.

Destinasi yang disenaraikan TripAdvisor ialah Kuala Lumpur diikuti Melaka, Genting Highlands, Kota Kinabalu, George Town, Batu Ferringhi, Johor Bahru, Port Dickson, Kuching dan Kuantan.

Ranking tersebut berdasarkan bilangan alamat Protokol Internet (IP) rakyat Malaysia yang mengunjungi laman web *TripAdvisor.com* antara 1 Januari hingga 30 November tahun ini.

Timbalan Presiden Penjualan Periklanan, Asia Pacific TripAdvisor, Cindy Tan berkata, TripAdvisor membolehkan pengunjug merancang percutian termasuk mendapat tip daripada pengunjug lain yang pernah menginap di hotel atau mencuba makanan di restoran tertentu.

"Misi kami adalah untuk membantu pelancong atau pelawat di seluruh dunia merancang percutian sempurna.

"TripAdvisor merupakan laman web pelancongan terbesar di dunia. Pada tahun ini, sebanyak 75 juta orang memberi ulasan di laman web kami, 60 juta pengunjug setiap bulan, menyenaraikan lebih 1.8 juta perniagaan, lebih 60 penyumbang setiap minit dan membabitkan 110,000 destinasi," katanya kepada pemberita di One World Hotel, Bandar Utama baru-baru ini.

**KUALA Lumpur** merupakan pilihan destinasi percutian utama rakyat Malaysia.

**KANAN:** Tarikan rekreasi taman tema dan cuaca sejuk menjadikan Genting Highlands sesuai untuk percutian sekeluarga.

## Kuala Lumpur

Ibu negara bukan sahaja mempunyai pelbagai tarikan pelancongan malah bilangan kompleks beli-belah yang banyak dan besar turut menarik perhatian rakyatnya.

Rangkaian hotel bajet hingga yang bertaraf mewah tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan di Kuala Lumpur. Hotel-hotel ada yang dibina bersambung atau berhampiran kompleks beli-belah sekali gus memberikan lebih banyak kemudahan kepada para pengunjug.

Antara hotel di Kuala Lumpur yang menjadi pilihan tertinggi pengunjug laman web tersebut ialah Hotel Traders. Seramai 2,389 daripada 3,434 pengunjug TripAdvisor memberikan komen cemerlang terhadap kualiti perkhidmatan, harga, keselesaan dan lain-lain.

## Melaka

Bandar raya bersejarah ini tidak kurang hebatnya apabila menjadi lokasi kedua pilihan percutian rakyat Malaysia di laman web tersebut.

Hotel The Majestic Malacca menduduki tangga nombor satu sebagai hotel pilihan pengunjug TripAdvisor. Keunikannya seni bina dan kemewahan hiasan dan kemudahan memberi satu pengalaman indah kepa-



da para pelanggannya.

Lokasi pilihan menjamu selera pula ialah di Restoran Pak Putra Tandoori dan Nan yang terletak di Jalan Laksamana 4, Bandar Melaka. Pengunjug web dilihat memberi komen seperti kesesuaian untuk kumpulan besar, harga yang murah, layanan mesra dan keenakan makanan tempatan.

## Genting Highlands


Kota kerian Genting Highlands berada di tempat ketiga dengan Resort Hotel Genting Highlands menjadi pilihan utama pengunjug. Daripada 136 pengunjug, 36 orang memberikan komen cemerlang, 56 baik manakala bakiannya memberikan komen sederhana, biasa dan teruk.

Untuk menjamu selera kebanyakan pengunjug memilih restoran makanan segera Bubbles & Bites. Harga makanan yang ditawarkan adalah antara RM6 hingga RM34.

## Kota Kinabalu


Keunikan alam Negeri Di Bawah Bayu ini bukan sahaja terkenal dalam kalangan pelancong tempatan malah dari luar negara. Sabah juga mempunyai pulau-pulau yang cantik sekali gus menjadi destinasi popular untuk aktiviti menyelam skuba atau snorkeling.

**BERSIAR** dengan bot di Sungai Melaka menjadi produk pelancongan yang amat popular.



# Pilihan percutian terunggul negara

Destinasi yang banyak dilihat oleh rakyat Malaysia dalam laman web TripAdvisor ialah Kuala Lumpur diikuti Melaka, Genting Highlands, Kota Kinabalu, George Town, Batu Ferringhi, Johor Bahru, Port Dickson, Kuching dan Kuantan.



HOTEL THISTLE menjadi pilihan utama pelawat laman web TripAdvisor untuk menginap ketika bercuti di Johor Bahru.

INFO

## TripAdvisor

- Para pengunjung yang merancang percutian boleh membaca komen orang ramai di TripAdvisor berkaitan hotel, tempat makan dan tip-tip melancong atau perkara yang boleh dilakukan di kawasan berkenaan.
- Terdapat juga foto-foto berkaitan pelancongan dan perbandingan harga-harga yang ditawarkan pihak terbabit.
- TripAdvisor mempunyai 1,400 pekerja di seluruh dunia.
- Merupakan aplikasi laman web pelancongan yang kedua banyak dimuat turun di telefon bimbit.

SARAWAK mempunyai banyak tarikan alam terutamanya Gua Niah yang terbentuk antara gunung-ganang yang cantik.

Hotel yang menjadi pilihan majoriti pengunjung ialah Shangri-La Rasa Ria Resort. Seramai 1,177 daripada 1,746 pengunjung memberikan komen cemerlang. Tetamu terpesona dengan keindahan pantai dan suasana tenang di hotel berkenaan.

## Pulau Pinang

Negeri yang terkenal dengan persembahan boria ini sering kali menjadi pilihan pelancongan tempatan bercuti. Tidak hairanlah, dua daerah di negeri ini menjadi tumpuan pelancong iaitu George Town dan Batu Feringghi masing-masing berada pada kedudukan kelima dan keenam.

Hotel-hotel pilihan utama di dua lokasi berkenaan ialah Hotel Yeng Keng, George Town dan Shangri-La Rasa Sa- yang Resort.

## Johor Bahru

Negeri paling selatan di Semenanjung Malaysia ini kian berkembang dari segi pelancongan. Pembukaan beberapa tarikan pelancongan baharu seperti Legoland dan Hello Kitty di Nusajaya

membuatkan ramai rakyat di negara ini merancang berkunjung dalam masa terdekat.

Pada musim cuti persekolahan ini, difahamkan semua bilik hotel habis ditempah. Antara hotel pilihan utama ialah Hotel Thistle.

## Port Dickson

Negeri Sembilan mempertaruhkan Port Dickson sejak sekian lama. Ia menjadi tumpuan pelancong tempatan yang gemar bermandi-manda di kawasan pantainya yang landai. Terdapat banyak hotel dan resort di daerah ini tetapi pilihan pengunjung TripAdvisor ialah Thistle Port Dickson

Resort.

Beberapa pengunjung memberikan beberapa komen terhadap resort tersebut yang disifatkan bagus dari segi layanan pekerja, pemandangan laut dan kemudahan untuk tetamu.

## Kuching

Variasi budaya etnik dan kekayaan khazanah semula jadi menjadikan Sarawak tumpuan para pencinta alam. Lawatan ke Gua Niah, Gunung Mulu dan Taman Negara Bako adalah antara tarikan utama di Sarawak.

Di Kuching sahaja terdapat banyak lokasi tarikan pelancongan seper-


ti China Town, Kuching Waterfront dan Muzium Sarawak. Setiap satunya mencuri perhatian dengan kekuatan nilai warisan yang eksotik.

Hotel Pullman Kuching menjadi pilihan utama pengunjung ketika bercuti ke ibu negeri Sarawak itu. Menurut laman web TripAdvisor, hotel tersebut menerima banyak komen positif yang menyentuh aspek hiasan yang menarik, lokasinya yang berhampiran dengan kompleks beli-belah dan Sungai Sarawak.

## Kuantan

Club Med Cherating Beach muncul pilihan pertama daripada 42 hotel di Kuantan, Pahang. Terletak berhadapan Laut China Selatan membuatkan ramai pengunjung teruja dengan pemandangan laut yang indah dan menenangkan jiwa. Pengunjung juga dapat melihat kehadiran monyet-monyet atau hidupan lain di sekitar kawasan berhampiran.

*MENDAKI Gunung Kinabalu, Sabah adalah aktiviti pelancongan yang digemari mereka yang lasak.*



PULAU PINANG mempunyai banyak tarikan dan tidak hairanlah George Town dan Batu Feringghi berada pada kedudukan kelima dan keenam dalam TripAdvisor.

